

AHLI UMNO DIINGAT JANGAN MENGUGUT

ALA LUMPUR, Ahad
Ahli-ahli UMNO dan
Barisan Nasional di-
ingatkan jangan cuba
mengugut parti atau
pemerintahan menjelang pilih-
raya yang sudah de-
kerana ini akan mem-
beri peluang kepada
partinya pembangkang
untuk memasukkan dakwah po-
litik mereka.

Walaupun apa yang
dijanjikan atau diminta
oleh kerajaan atau parti
lain dipenuhi semuanya
janganlah itu di-
gunakan sebagai alasan untuk
mengugut parti atau
pemerintahan.

Menyampaikan nasihat Menteri
Kerajaan Awam, Datin

Paduka Rafidah Aziz
kepada ahli-ahli UMNO dan
Barisan Nasional semasa
merasmikan mesyuarat
agung UMNO Cawangan
Kampung Selamat, Am-
pang, dekat sini hari ini.

"Ahli-ahli UMNO khasnya
mestilah bersyukur dengan apa
yang mereka dapat dan ja-
nganlah mengumpat atau men-
dendam apa-apa yang belum
mereka perolehi kerana ini akan
memberi peluang kepada parti
pembangkang merosakkan per-
paduan UMNO," ujarnya.

UMNO Cawangan Kampung
Selamat ditubuhkan tiga tahun
lalu oleh penduduk-penduduk
setinggan kampung itu. Mereka
kini sudahpun dibekalkan
dengan kemudahan elektrik dan
air.

Kepada UMNO cawangan
kampung-kampung setinggan

yang lain Datin Paduka Rafidah
Aziz berharap mereka bersabar
menunggu permohonan api atau
air dan janganlah kerana dua
perkara itu parti dan kerajaan
hendak diugut.

Menurut beliau, terdapat
setengah-setengah kawasan
UMNO mengugut tidak akan
menyokong parti itu lagi
semata-mata kerana per-
mohonan api atau air ke kawa-
san mereka belum ditunaikan
lagi.

Kerja sampingan

Kepada mereka ini, Datin
Paduka Rafidah Aziz
menegaskan, perjuangan
UMNO jauh lebih besar dari
membekalkan api atau air saja.

"UMNO memperjuangkan
keseluruhan nasib orang
Melayu dan kejayaannya
selama ini yang dapat menun-

jangi pemerintahan turut mem-
bawa kejayaan kepada nasib
orang Melayu.

"Membekalkan api dan air
hanyalah kerja sampingan dan
khidmat yang harus diberi
saja," ujarnya.

Katanya lagi, "sesiapa yang
masuk UMNO hanya kerana
mahukan kemudahan haruslah
mengubah sikap segera kerana
perjuangan UMNO jauh lebih
penting dari itu."

Bagaimanapun beliau yang
juga Ahli Parlimen Selayang
mengumumkan peruntukan \$2.7
juta telah dipohon kepada kera-
jaan untuk membekalkan
kemudahan elektrik ke-11 kawa-
san setinggan seluruh Ampang.

Kira-kira 35,000 orang seting-
gan mendiami kawasan sekitar
Ampang pada masa ini dan
beberapa kawasan sudah pun di-
sediakan dengan berbagi
kemudahan asas.